


**“Dia perlu menjalani proses pemulihan secara perlahan-lahan jika mahu melayakkan diri dan bertanding pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo
Yang Zhuliang**

HARIAN METRO

‘Makan masa nak sembuh’



■ Zhuliang mahu Jun Hoong fokus pulih kecederaan untuk hidup misi Olimpik Tokyo 2020

Ajitpal Singh

ajitpalsingh@nst.com.my

Kuala Lumpur

Juara dunia, Cheong Jun Hoong (*gambar*) masih bertarung untuk pulih daripada kecederaan belakang yang selama ini mengugut kariernya.

Terbaru, penerjun berusia 27 tahun itu terpaksa melupakan acara 10 meter platform individu wanita - acara yang dimenangnya pada Kejohanan Dunia di Budapest, Julai lalu - pada Grand Prix Terjun Kuala Lumpur (GPKL) di Bukit Jalil yang dijadualkan bermula Jumaat ini.

Untuk aksi di GPKL, Jun Hoong hanya akan menyer-

tai acara platform campuran bergandingan dengan penerjun remaja, Jellson Jabillin sementara Pandelega Rinong dan Kimberly Bong akan bertanding acara platform individu termasuk di GP Gold Coast (9-12 November).

Untuk rekod, Jun Hoong tidak pernah bertanding dalam acara platform individu sejak memenangi gelaran

dunia dan pada Sukan SEA Kuala Lumpur Ogos lalu, dia hanya bertanding dalam acara 1m papan anjal.

“Jun Hoong mengalami kecederaan belakang ketika memenangi gelaran dunia. Dia menjalani pemulihan dan sepatutnya bersedia dalam acara platform individu tahun depan yang mana dia akan memulakan musimnya

pada Siri Dunia,” kata jurulatih, Yang Zhuliang.

“Jun Hoong bukan muda lagi dan ia mengambil sedikit masa untuk pulih daripada kecederaan. Dia perlu menjalani proses pemulihan secara perlahan-lahan jika mahu melayakkan diri dan bertanding pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo.

“Saya memberinya lebih

masa untuk pulih daripada kecederaan belakang dan masalah lain. Acara platform individu ialah disiplin yang kompleks dan rutin acara itu sukar untuk dilaksanakan.

“Dia juga menggunakan masa ini untuk mempelajari rutin sukar dalam acaranya memandangkan darjah kesukarannya kini tidaklah tinggi seperti penerjun bertaraf dunia.”